

# MTD mula bina jejambat transit MRT

KUALA LUMPUR 27 Jun - Syarikat pembinaan Bumiputera, MTD Construction Sdn. Bhd. menjangka memulakan kerja-kerja pakej jejambat transit aliran MyRapid (MRT) V7, bernilai RM499.98 juta dari Bandar Tun Hussein Onn ke Taman Mesra di Cheras pada 7 Ogos.

Pengarah Eksekutif MTD Construction Sdn. Bhd., Md. Shukor Mohamed berkata, kerja pembinaan jejambat itu adalah sejauh 3.83 kilometer dan akan menjajarkan dua buah stesen MRT, iaitu stesen berhampiran Balakong dan stesen berhampiran Taman Koperasi.

“Pakej ini adalah sebahagian daripada pakej Bumiputera eksklusif yang mewakili 43 peratus daripada jumlah nilai projek MRT ini,” katanya. - BERNAMA